

Koh sedia adakan pemilihan

Pemangku Presiden Gerakan mahu teruskan perjuangan dimulakan Keng Yaik

KUALA LUMPUR: Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata beliau tidak berhasrat menyandang jawatan itu bagi tempoh panjang tanpa mengadakan pemilihan parti.

Katanya, kecuali ada alasan kukuh memerlukan pemilihan parti ditangguh, ia akan diadakan tahun depan.

"Pemilihan parti tidak akan diadakan hingga 2008, tetapi jika ada pilihan raya (umum), kami akan menangguhkan pemilihan parti.

"Kami perlu adakan pemilihan parti secepat mungkin. Hanya apabila keadaan memerlukan, barulah kami gunakan peruntukan yang ada dalam perlembagaan," katanya selepas Persidangan Perwakilan Kebangsaan Luar Biasa parti itu di Menara PGRM di sini, semalam.

Koh berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Speaker Gerakan, Datuk Dr Chin Fook Weng pada persidangan itu bahawa penggal bagi jawatan presiden parti itu akan berakhir pada 2010, sedangkan pemilihan parti perlu diadakan pada tahun depan.

Beliau yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, berkata walaupun Gerakan kini melalui tempoh peralihan kepemimpinan, tetapi ia mempunyai barisan kepemimpinan sama meneruskan perjuangan ditetapkan parti

itu ketika dipimpin oleh Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

"Ini sambungan perjuangan dari segi matlamat dan isinya, walaupun mungkin ada sedikit perubahan dari segi gaya dan pendekatan kepimpinan," katanya.

Beliau berkata, barisan kepimpinan itu terus bekerjasama dengan semua anggota parti untuk berkhidmat kepada rakyat dan meneruskan perjuangan untuk membina sebuah negara maju dan bersatu padu.

Terdahulu, dalam ucapannya, Koh berkata, beliau tidak pernah cuba merebut atau mencari kedudukan selama menjadi anggota Gerakan dan calon parti itu pada pilihan raya umum 25 sejak tahun lalu.

Koh berkata, sepanjang kerjaya politiknya, beliau dibimbing veteran Gerakan dan orang yang paling lama membimbing beliau ialah Keng Yaik.

Perhimpunan itu meluluskan usul menerima persaraan Keng Yaik sebagai presiden parti dan memperakukan Dr Koh sebagai pemangku presiden sehingga pemilihan parti akan datang.

Keng Yaik, yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, dijangka terus berkhidmat sebagai menteri sehingga pilihan raya umum akan datang. - Bernama



JASA DIHARGAI: Keng Yaik yang terharu ditenteramkan Koh ketika menerima ucapan terima kasih dan penghargaan daripada perwakilan pada Persidangan Perwakilan Kebangsaan Luar Biasa di Menara PGRM di Kuala Lumpur, semalam.